



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PEMBINAAN MODUL BIMBINGAN '*TAZKIYAH AN-NAFS*' DAN KESANNYA KE ATAS RELIGIOSITI DAN RESILIENSI REMAJA

MD NOOR BIN SAPER



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2012**



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



Permission To Use

In presenting this thesis in fulfilment of the requirements for a postgraduate degree from Universiti Utara Malaysia, I agree that the Universiti Library may make it freely available for inspection. I further agree that permission for the copying of this thesis in any manner, in whole or in part, for scholarly purpose may be granted by my supervisor(s) or, in their absence, by the Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences. It is understood that any copying or publication or use of this thesis or parts thereof for financial gain shall not be allowed without my written permission. It is also understood that due recognition shall be given to me and to Universiti Utara Malaysia for any scholarly use which may be made of any material from my thesis.

Requests for permission to copy or to make other use of materials in this thesis, in whole or in part, should be addressed to :



Dean of Awang Had Salleh Graduate School of Arts and Sciences
UUM College of Arts and Sciences
Universiti Utara Malaysia
06010 UUM Sintok





Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk membina modul bimbingan berperspektif Islam yang dikenali sebagai Modul Bimbingan *Tazkiyah al-Nafs* (MBTN) dan menguji kesan modul terhadap pembolehubah religiositi dan resiliensi remaja. Kajian ini melibatkan dua fasa iaitu fasa pembinaan modul dan fasa menguji kesan modul terhadap pembolehubah religiositi dan resiliensi. Dalam fasa pertama, data tentang keperluan pembinaan modul telah dikumpulkan menerusi teknik temu bual dengan pakar dan kajian perpustakaan. Kajian kesahan pakar dan kebolehpercayaan telah dilaksanakan terhadap modul ini. Hasil kajian menunjukkan nilai pekali kebolehpercayaan keseluruhan modul ini adalah tinggi iaitu Alpha Cronbach 0.883. Ini menunjukkan modul ini boleh digunakan sebagai intervensi. Pada fasa kedua, seramai 62 orang remaja telah dipilih sebagai responden untuk mengikuti modul ini. Kaedah kuasi eksperimen telah digunakan untuk mengutip data. Semua responden dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu kumpulan rawatan dan kawalan. Untuk mengukur kesan modul terhadap religiositi dan resiliensi dalam kalangan responden, dua alat ukur telah digunakan iaitu Alat Ukur Soal selidik Daya Tahan (SDT) dan Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Menengah (SPPIP-M). Di samping itu, data temu bual juga diambil untuk melihat respons mereka setelah melalui modul ini. Hasil kajian menunjukkan terdapat kesan rawatan yang signifikan terhadap pembolehubah religiositi dan resiliensi remaja. Dapatan juga membuktikan resiliensi seseorang boleh ditingkatkan melalui bimbingan dan latihan menggunakan modul keagamaan berperspektif Islam. Implikasi kajian ini secara langsung dapat memperkembangkan lagi ilmu berkaitan bimbingan dan kaunseling berasaskan elemen keagamaan khususnya menurut perspektif Islam.

Kata kunci: Bimbingan dan kaunseling, Modul bimbingan, Pembinaan modul, Religiositi, Resiliensi





Abstract

The purpose of this study is to develop a guidance module based on Islamic perspective namely “Modul Bimbingan *Tazkiyah al-Nafs*” (MBTN) and to measure the impact of this module on adolescent’s religiosity and resilience. The study involved two phases: the module development and the measurement of adolescent's religiosity and resilience. In the first phase, data on the module development were collected from interviews with experts and library researches. This was followed by conducting reliability and validity tests of this module. Results obtained showed that the overall reliability coefficient of this module was very high i.e. Cronbach Alpha 0.883, which indicates high degree of agreement among the expert rates that this module can be used as an intervention. In the second phase, a total of 62 adolescents were selected as respondents to follow this module. The Quasi-experimental methods were used to collect data. All respondents were divided into two groups: treatment and control groups. Two instruments had been used, namely Resilience Questionnaire Instrument and the Islamic Educational Appreciation Scale for Secondary Students. Besides that, interviews with respondents were conducted to gain their feedback after going through this module. Results showed that the module had a significant positive impact on adolescents’ religiosity and resiliency. Furthermore, the findings proved that the guidance and training module based on Islamic perspective could enhance resiliency. This study could help to expand further religion-related guidance and counseling knowledge, particularly those of Islamic based.

Keywords: Guidance and counseling, The guidance module, Module development, Religiosity, Resiliency





Penghargaan

Setinggi kesyukuran dipanjatkan kepada Allah s.w.t. di atas rahmat, inayah dan petunjuk serta penganugerahan ketabahan, ketenangan, kekuatan dan kesihatan sehingga berjaya menamatkan pengajian sehingga ke tahap ini. Selawat dan salam ke atas junjungan Rasulullah pembawa risalah agung dan rahmat ke sekalian alam.

Setinggi terima kasih dan penghargaan kepada Dr Nadiyah Elias selaku penyelia di atas curahan ilmu, bimbingan, motivasi, pengorbanan masa, perkongsian, dorongan serta doa yang diberikan selama ini. Dedikasi, kesungguhan dan empati hanya Allah s.w.t. yang dapat membalasnya.

Jutaan terima kasih kepada pihak Kementerian Pengajian Tinggi dan Universiti Pendidikan Sultan Idris yang telah memberi biasiswa dan peluang belajar sepenuh masa. Juga kepada Kolej Sastera dan Sains UUM, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia UPSI, Jabatan Psikologi dan Kaunseling UPSI, EPRD, Jabatan Pendidikan di peringkat Negeri dan pihak sekolah di atas kerjasama yang diberikan sepanjang pengajian.

Penghargaan dan terima kasih di atas sokongan, bantuan dan doa dari isteri tersayang; Dr Zanaton H Iksan, bonda Hajjah Murtiah Hj Yasar, ayahanda Hj Saper Hj Dikin dan ibu mertua Hajah Siti Zaleha Idris. Anak-anak yang memahami sebagai sumber inspirasi Akhi, Anwar, Jannah, Ina, Erfan dan Adawiyah. Tidak ketinggalan juga kepada Tn Hj Ab Aziz Mohd Yatim, Dr Ahmad Jazimin, Tn Hj Taquddin, Dr Kamishah, Us Kausar dan rakan-rakan lain yang sering membantu dan memberi sokongan di UPSI.

Tidak dilupakan kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan dan galakan secara langsung dan tidak langsung. Semoga Allah s.w.t akan menganugerahkan balasan kebaikan untuk kalian.



Isi Kandungan

Permission To Use	i
Abstrak	ii
Abstract	iii
Penghargaan	iv
Isi Kandungan	v
Senarai Jadual	x
Senarai Rajah	xii
Senarai Singkatan.....	xiii

BAB SATU.....	1
----------------------	----------

PENGENALAN.....	1
------------------------	----------

1.1 Pendahuluan.....	1
----------------------	---

1.2 Isu Disiplin, Resiliensi dan Keperluan Agama	1
--	---

1.3 Pembinaan Modal Insan dan Resiliensi	6
--	---

1.4 Elemen Religiositi dan Resiliensi	9
---	---

1.5 Keperluan Bimbingan dan Kaunseling Keagamaan oleh Kaunselor	12
---	----

1.6 Kajian Bimbingan Keagamaan Berperspektif Islam.....	17
---	----

1.7 Keperluan Modul Bimbingan Keagamaan dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah	20
---	----

1.8 Ringkasan Pernyataan Masalah	23
--	----

1.9 Tujuan Kajian.....	26
------------------------	----

1.10 Objektif Kajian.....	27
---------------------------	----

1.11 Persoalan Kajian	28
-----------------------------	----

1.12 Hipotesis Kajian.....	28
----------------------------	----

1.13 Kepentingan Kajian	31
-------------------------------	----

1.13.1 Kepentingan kepada Perkembangan Ilmu dan Teori.....	31
--	----

1.13.2 Kepentingan kepada Perkembangan Amalan Bimbingan dan Kaunseling	32
--	----

1.13.3 Kepentingan kepada Masyarakat.....	33
---	----

1.14 Batasan Kajian	34
---------------------------	----

1.14.1	Sampel Kajian	34
1.14.2	Skop Kandungan Instrumen Religiositi.....	34
1.15	Definisi Pembolehubah	35
1.15.1	Modul Bimbingan	35
1.15.2	Kelompok Bimbingan.....	37
1.15.3	Kesalahan Disiplin.....	38
1.15.4	<i>Tazkiyah an-Nafs</i>	41
1.15.5	Religiositi	42
1.15.6	Resiliensi.....	43
1.15.7	Kesahan Modul	44
1.15.8	Kebolehpercayaan Modul	45
1.16	Kerangka Konseptual Kajian	46
1.17	Aturan Bab	52

BAB DUA..... 54

TINJAUAN LITERATUR..... 54

2.1	Pendahuluan.....	54
2.2	Kelompok Bimbingan dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (BK)...	54
2.2.1	Keperluan Religiositi dalam Perkhidmatan BK	54
2.2.2	Kelompok Bimbingan dalam Perkhidmatan BK.....	59
2.3	Perkembangan Elemen Agama dan Spiritual dalam Kaunseling.....	62
2.4	Kajian Pendekatan Bimbingan dan Kaunseling Berperspektif Islam di Malaysia	66
2.5	Religiositi dan Resiliensi	72
2.5.1	Religiositi	72
2.5.2	Religiositi dari Perspektif Islam	75
2.5.2.1	Dasar Aqidah	78
2.5.2.2	Dasar Ibadah	81
2.5.2.3	Dasar Akhlak	86
2.5.3	Model Religiositi.....	89
2.5.3.1	Model Perkembangan Religiositi Individu	89
2.5.3.2	Model Religiositi Perspektif Islam	92

2.5.4	Resiliensi	94
2.5.5	Resiliensi Dari Perspektif Islam	96
2.5.6	Resiliensi Menurut Al-Ghazali	100
2.5.7	Resiliensi Menurut Ibnu Al-Qayyim	101
2.5.8	Resiliensi Menurut Al Kindi	102
2.5.9	Hubungan antara Religiositi dan Resiliensi	103
2.6	Pembinaan Modul Bimbingan	107
2.6.1	Konsep Modul	107
2.6.2	Jenis-Jenis Modul	110
2.6.3	Ciri-Ciri Modul.....	112
2.6.4	Pembinaan Modul.....	116
2.6.5	Model Pembinaan Modul Russell	117
2.6.6	Model Pembinaan Modul Sharifah Alawiyah (1981)	120
2.6.7	Model Pembinaan Modul Sidek	122
2.6.7.1	Peringkat Pertama: Menyediakan Draf Modul.....	124
2.6.7.2	Peringkat Kedua: Mencuba dan Menilai Modul	127
2.6.8	Pembinaan Modul Bimbingan <i>Tazkiyah An-Nafs Al-Ghazali</i> (MBTN)...	127
2.6.9	Asas Teori Modul Bimbingan <i>Tazkiyah An-Nafs Al-Ghazali</i> (MBTN)...	129
2.7	Rumusan	134
BAB TIGA		135
METOD KAJIAN		135
3.1	Pendahuluan.....	135
3.2	Reka Bentuk Kajian	135
3.3	Lokasi Kajian	138
3.4	Pemilihan Responden.....	139
3.5	Alat Kajian	144
3.5.1	Skala Resiliensi	145
3.5.2	Skala Religiositi.....	150
3.6	Kajian Rintis	155
3.6.1	Kajian Rintis Modul MBTN.....	155

3.6.1.1	Menentukan Kesahan Modul	155
3.6.1.2	Menentukan Kebolehpercayaan Modul	162
3.6.2	Kajian Rintis Alat Kajian	166
3.6.2.1	Kesahan Soalselidik SDT dan SPPIP-M	167
3.6.2.2	Kebolehpercayaan Soal selidik SDT dan SPPIP-M	169
3.7	Prosedur Menjalankan Intervensi	171
3.7.1	Kebenaran Menjalankan Kajian	171
3.7.2	Kumpulan Rawatan	172
3.7.3	Kumpulan Kawalan	172
3.7.4	Langkah-langkah Mengawal Pembolehubah Luaran	173
3.7.5	Pemilihan dan Latihan Fasilitator	174
3.7.6	Perjalanan Kelompok Intervensi	174
3.8	Analisis Data	176
3.9	Rumusan	177

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN	179
4.1 Pengenalan	179
4.2 Keputusan Kajian Pembinaan Modul	179
4.2.1 Keperluan Modul Bimbingan dan Kaunseling Perspektif Islam	180
4.2.2 Kekuatan Bimbingan dan Kaunseling Perspektif Islam	186
4.2.3 Asas Teori Modul MBTN	191
4.2.4 Kandungan Modul Bimbingan <i>Tazkiyah an-Nafs</i>	193
4.2.5 Teknik dan Pendekatan Modul MBTN	211
4.2.6 Menyatukan Draf Modul MBTN	223
4.3 Keputusan Kajian Eksperimen	229
4.3.1 Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan Ujian Pra	229
4.3.2 Pengujian Normaliti Pembolehubah Kajian	229
4.3.3 Pengujian Hipotesis	230
4.4 Keputusan Temu bual Kesan Modul	242
4.4.1 Kesan Modul MBTN	243

4.4.2	Kekuatan Modul MBTN.....	253
4.4.3	Cadangan Penambahbaikan Modul MBTN.....	257
4.5	Rumusan	259
BAB LIMA		261
RUMUSAN DAN PERBINCANGAN.....		261
5.1	Pengenalan	261
5.2	Rumusan Hasil Kajian	261
5.2.1	Rumusan Kajian Pembinaan Modul MBTN	261
5.2.2	Rumusan Kajian Kesan MBTN.....	265
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian.....	268
5.3.1	Kajian Pembinaan Modul MBTN	268
5.3.2	Kajian Kesan MBTN.....	275
5.4	Implikasi Dapatan Kajian	282
5.4.1	Implikasi Terhadap Teori	282
5.4.2	Implikasi Terhadap Amalan.....	285
5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan.....	286
5.6	Rumusan	288
RUJUKAN.....		290



Senarai Jadual

Jadual 1. 1:	Bilangan Kes Disiplin Pelajar 2007, 2008 dan 2009	3
Jadual 3. 1:	Model Reka Bentuk Eksperimen (Campbell & Stanley, 1963; Wiersma, 1991; Salkind, 2000)	138
Jadual 3. 2:	Profil Panel Pakar Temu Bual	140
Jadual 3. 3:	Profil Panel Kesahan Pakar	141
Jadual 3. 4:	Taburan Bilangan Responden	144
Jadual 3. 5:	Sub Skala Soal Selidik Daya Tahan (SDT)	145
Jadual 3. 6:	Langkah-langkah Pembinaan Instrumen	151
Jadual 3. 7:	Sub Konstruk Soal Selidik Penghayatan Pendidikan	153
Jadual 3. 8:	Profil Panel Kesahan Pakar	158
Jadual 3. 9:	Nilai Kesahan Sesi dan Aktiviti Modul Bimbingan Tazkiyah An-Nafs (MBTN) Berdasarkan Penilaian Panel Pakar	159
Jadual 3. 10:	Nilai Kesahan Kandungan Berdasarkan Penilaian Pakar	161
Jadual 3. 11:	Maklum Balas Penambahbaikan Modul Oleh Pakar	162
Jadual 3. 12:	Nilai Kebolehpercayaan Sesi dan Aktiviti Modul Bimbingan Tazkiyah An Nafs (MBTN)	165
Jadual 3. 13:	Nilai Kesahan Item Sub skala SDT Berdasarkan Penilaian Panel Pakar	168
Jadual 3. 14:	Nilai Kebolehpercayaan Soal selidik Daya Tahan (SDT)	170
Jadual 3. 15:	Nilai Kebolehpercayaan SPPIP-M	170
Jadual 4. 1:	Kod Temu Bual Pakar	180
Jadual 4. 2:	Kandungan Draf Modul MBTN	226
Jadual 4. 3:	Pengujian Normaliti Pembolehubah Kajian	230
Jadual 4. 4:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pembolehubah Religiositi Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	231



Jadual 4. 5:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pembolehubah Resiliensi Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	233
Jadual 4. 6:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pembolehubah Religiositi Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Pelajar Lelaki	234
Jadual 4. 7:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pembolehubah Religiositi Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Pelajar Perempuan	236
Jadual 4. 8:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pembolehubah Pelajar Lelaki Resiliensi Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan	237
Jadual 4. 9:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Pembolehubah Resiliensi Kelompok Rawatan dan Kelompok Kawalan Pelajar Perempuan	238
Jadual 4. 10:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Sub Skala Religiositi Kumpulan Eksperimen	240
Jadual 4. 11:	Ringkasan Analisis Ujian-T Kelompok Bimbingan Tazkiyah An-Nafs Terhadap Sub Skala Resiliensi Kelompok Rawatan	241
Jadual 4. 12:	Kod Temu bual	242



Senarai Rajah

Rajah 1. 1:	Kerangka Konseptual Kajian	47
Rajah 2. 1:	Hierarki Keutamaan Orientasi Bimbingan dan Kaunseling Sekolah	56
Rajah 2. 2:	Model Perkembangan Religiositi Individu	90
Rajah 2. 3:	Religiositi Perspektif Islam (Azma, 2006)	93
Rajah 2. 4:	Model Pembinaan Modul Russell (Sumber: Russell, 1974)	118
Rajah 2. 5:	Model Pembinaan Modul Sharifah Alawiyah (1981)	121
Rajah 2. 6:	Model Reka Bentuk Pembinaan Modul Sidek dan Jamaludin (Sumber Sidek & Jamaludin, 2005)	123
Rajah 2. 7:	Model Tazkiyah an-Nafs al-Ghazali	131
Rajah 4. 1:	Sub Tema Keperluan Bimbingan dan Kaunseling Perspektif Agama	181
Rajah 4. 2:	Sub Tema Kekuatan Bimbingan dan Kaunseling Perspektif Islam	187
Rajah 4. 3:	Sub Tema Kandungan Modul	211
Rajah 4. 4:	Sub Tema Teknik dan Pendekatan Modul MBTN	223
Rajah 4. 5:	Tahap Perkembangan Modul MBTN	226





Senarai Singkatan

APA	<i>American Psychological Association</i>
B & K	bimbingan dan kaunseling
BMC	berani menghadapi cabaran
EPRD	Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan
MBTN	Modul Bimbingan <i>Tazkiyah An-Nafs</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KPT	Kementerian Pengajian Tinggi
KBSR	Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
OMH	orientasi masa depan
PKA	perolehan kemahiran aktif
PIPP	Pelan Induk Pembangunan Pendidikan
SES	status sosio-ekonomi
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
SDT	Soal Selidik Daya Tahan
SPIIP-M	Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Menengah
TLAQ	tingkah laku aqidah
TLIB	tingkah laku ibadah
TLAK	tingkah laku akhlak
TOT	<i>training of trainers</i>





BAB SATU

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan beberapa tajuk utama tentang kajian ini. Isu salah laku remaja yang mempunyai hubungan dengan tahap religiositi dan resiliensi, keperluan resiliensi bagi pembinaan modal insan, religiositi dan hubungannya dengan resiliensi, keperluan kaunseling religiositi, kajian kaunseling keagamaan berspektif Islam, keperluan modul bimbingan keagamaan oleh kaunselor di sekolah di samping keperluan pembinaan modul religiositi mengikut prosedur akan turut dibincangkan.



Dalam bab ini juga akan dijelaskan tentang permasalahan kajian, tujuan kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, definisi pemboleh ubah di samping kerangka konseptual kajian. Aturan bab turut dinyatakan untuk memberikan gambaran aturan penulisan dalam kajian ini.

1.2 Isu Disiplin, Resiliensi dan Keperluan Agama

Menurut laporan Rancangan Malaysia Kesembilan (2006 – 2010), masalah sosial seperti kes penagihan dadah, sumbang mahram dan rogol menunjukkan peningkatan ketara dengan penagihan dadah di kalangan belia meningkat daripada





24,940 kes pada 2001 kepada 41,684 kes pada 2005, manakala kes rogol meningkat daripada 662 kes pada 2001 kepada 919 kes pada 2005 (Ismail, 2009).

Kajian oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia mendapati kira-kira 87% daripada 'mat rempit' terdiri daripada golongan berusia antara 14 hingga 25 tahun. Kegiatan 'mat rempit' yang semakin berleluasa menimbulkan kegelisahan kepada orang ramai khususnya pengguna jalan raya. Mereka juga dikatakan turut terbabit dengan jenayah lain seperti ragut, seks bebas, dadah, bergaduh, berjudi dan sebagainya. Di samping itu, tahun lalu, seramai 1,862 pelajar di seluruh negara dilaporkan terbabit dalam pelbagai kegiatan jenayah dan 46 orang pelajar pula terjebak dalam aktiviti gengsterisme (Ismail, 2009).



Data Kementerian Pelajaran serta statistik Polis Diraja Malaysia menunjukkan jumlah salah laku melibatkan remaja masih bersekolah masih tinggi. Menurut laporan, data tersebut menunjukkan pelajar sekolah bukan sahaja sekadar terlibat di dalam kelakuan tidak sopan, melanggar peraturan sekolah seperti bising dalam kelas, datang lewat ke sekolah, ponteng tetapi juga menjangkau kepada perlakuan jenayah seperti gengsterisme, melakukan gangguan seksual, merogol malah hingga kepada membunuh. Kajian gengsterisme di sekolah menengah harian yang dilakukan oleh Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Kementerian Pendidikan mendapati 459 daripada 1,560 buah sekolah terdedah dengan budaya gengsterisme (Anuar, 2009).



*Jadual 1. 1: Bilangan Kes Disiplin Pelajar 2007, 2008 dan 2009*

BIL	JENIS SALAH LAKU	2007		2008		2009	
		BIL	%	BIL	%	BIL	%
1	Berunsur Jenayah	19947	0.35	19452	0.35	17518	0.32
2	Berunsur Kelucahan	3792	0.05	3138	0.04	2915	0.05
3	Kurang Sopan	23214	0.43	22921	0.42	20808	0.38
4	Laku Musnah	3625	0.06	3949	0.07	3979	0.07
5	Kekemasan Diri	14900	0.27	15672	0.29	20361	0.37
6	Ponteng Sekolah	21134	0.39	20363	0.37	20286	0.37
7	Kenakalan	8519	0.16	8523	0.16	9797	0.18
8	Tidak Pentingkan Masa	18425	0.34	18348	0.34	16314	0.30
JUMLAH KESELURUHAN		113556	2.10	112366	2.08	111978	2.06

(Sumber: Kementerian Pelajaran Malaysia)

Data Kementerian Pelajaran Malaysia berkaitan kes disiplin pelajar dari tahun

2007 hingga 2009, seperti mana dalam Jadual 1.1 menunjukkan jumlah jenis salah laku yang perlu di ambil perhatian. Tahun 2008 menunjukkan 8523 pelajar

dikesan dengan tingkah laku kenakalan manakala 8523 pelajar terlibat sebelumnya. Kes salah laku musnah juga menunjukkan peningkatan di mana pada tahun 2008 terdapat 3949 pelajar terlibat manakala tahun 2009 meningkat ke 3979. Meskipun data kes disiplin lain seperti ponteng, kelucahan, jenayah dan sebagainya secara keseluruhannya menunjukkan penurunan akan tetapi ianya masih tidak jauh berbeza dengan tahun sebelumnya.

Salah laku pelajar mempunyai hubungan dengan tahap resiliensi atau daya tahan mereka. Kajian oleh Arokiaraj, Nasir dan Wan Shahrazad (2011) mendapati resiliensi menjadi faktor pelindung kepada pelajar daripada bertingkah laku delinkuen. Kajian oleh Hawkins, Graham, William & Zahn, (2009) melihat





resiliensi seseorang dapat mencegah dari pelajar terlibat dengan salah laku delinkuen. Kajian mereka juga mendapati faktor ibu bapa prihatin, hubungan dengan sekolah, sekolah cemerlang dan religiositi dapat meningkatkan resiliensi mereka.

Keterlibatan remaja dengan delinkuen dan keganasan juga mempunyai hubungan dengan sejauh mana pegangan agama mereka. Kajian oleh Higginbotham, Ketring, Hibbert, Wright dan Guarino (2007) yang membuat kajian ke atas remaja perempuan dalam lingkungan 18 ke 24 tahun menunjukkan remaja yang mempunyai amalan agama yang rendah lebih cenderung melakukan keganasan berbanding mereka yang mempunyai amalan agama yang tinggi.



Pencerapan elemen religiositi dalam menangani pelbagai isu kecelaruan sosial semakin diperlukan. Kajian menunjukkan pendekatan agama dapat membantu mengurangkan keterlibatan remaja kepada tingkah laku delinkuen, perlakuan seksual sebelum waktu yang sepatutnya, perlakuan seksual yang tidak selamat dan tingkah laku membunuh diri (Donahue & Benson, 1995). Elemen religiositi sangat penting bagi mencegah seseorang dari pelbagai gejala negatif termasuk perbuatan tingkah laku delinkuen (Hawkins, Graham, William & Zahn, 2009). Dimensi religiositi adalah aspek universal yang membentuk sikap dan perilaku manusia. Ia mendorong manusia agar melakukan kebaikan dan hidup secara bermoral dan beretika (Jamiah, Azimi & Hasnan, 2006).





Kajian oleh Jabatan Program Keadilan Amerika yang menangani isu keadilan juvana dan pencegahan delinkuen menunjukkan faktor keagamaan merupakan antara faktor bagi mengelakkan keterlibatan remaja dengan aktiviti delinkuen di samping faktor ibu bapa yang bertanggungjawab, sekolah yang cemerlang dan sekolah yang mempunyai jaringan dengan ibu bapa (Hawkins dan rakan-rakan, 2009). Elemen agama juga terbukti dapat merawat serta mencegah remaja daripada terjebak kepada aktiviti sosial yang menyimpang (Hawkins dan rakan-rakan, 2009; Saadah, Salwan & Roslee, 2008).

Dalam konteks Islam, disiplin tasawuf yang menekankan aspek proses pembersihan dan penyucian diri (*tazkiyah an-nafs*), merupakan alternatif praktikal untuk membentuk ketahanan diri dan menangani pelbagai isu moral dalam kalangan remaja (Zakaria, 2004). Menurut Zakaria lagi (2004), pendekatan tasawuf ini terungkap dalam kerangka metodologi yang praktis atau amalan berterusan dan konsisten dalam pembentukan personaliti insan yang sudah dibuktikan oleh perjalanan sejarah tamadun Islam. Disiplin ilmu tasawuf bukan hanya melibatkan perkembangan spiritual sahaja bahkan membabitkan aspek fizikal seperti pembinaan akhlak di samping aspek intelektual dan sosio budaya (Che Zarrina, 2004).

Kajian-kajian di atas menunjukkan elemen keagamaan mempunyai sumbangan terhadap perkembangan diri seseorang dan boleh digunakan sebagai intervensi bagi mengatasi masalah salahlaku dalam kalangan remaja. Namun demikian,





sejauh manakah aplikasi elemen keagamaan diamalkan dalam rawatan dan pencegahan kepada isu berkenaan? Apakah bentuk intervensi keagamaan yang sesuai bagi menangani isu salahlaku remaja? Isu kompetensi kaunselor terhadap keupayaan menangani isu-isu spiritual juga merupakan antara halangan yang perlu diberi perhatian (Mazidah & Rusnani, 2009).

Kajian terhadap pembinaan modul bimbingan religiositi yang dibina dalam kajian ini diharapkan dapat mengetengahkan satu bentuk intervensi yang bersesuaian di samping membantu pengamal kaunseling dalam melakukan intervensi terhadap isu salah laku dalam kalangan remaja dan pelajar sekolah. Penggunaan modul boleh memudahkan kaunselor melaksanakan tugas dengan lebih berkesan (Russell, 1974; Sharifah Alawiyah, 1981), di samping meningkatkan kompetensi mereka.

1.3 Pembinaan Modal Insan dan Resiliensi

Memperkasa modal insan yang cemerlang merupakan antara matlamat wawasan 2020. Kementerian Pelajaran Malaysia juga telah memperkukuh hasrat tersebut dengan menggubal Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP). Pendekatan yang digunakan dalam melaksanakan pelan induk tersebut ialah, pertama memastikan akses kepada pendidikan dan menyamaratakan medan persaingan dalam kalangan pelajar. Kedua, untuk berusaha melonjakkan tahap kecemerlangan sekolah dan institusi yang telah bersedia ke suatu tahap yang lebih tinggi lagi agar dapat mengangkat imej sistem pendidikan Negara di mata dunia. Dua pendekatan ini merupakan kerangka utama bagi melaksanakan enam teras





strategik iaitu membina negara bangsa, membangunkan modal insan, memperkasa sekolah kebangsaan, merapatkan jurang pendidikan, memartabatkan profesion keguruan dan melonjakkan kecemerlangan institusi pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006)

Pembangunan modal insan merupakan salah satu kunci utama dalam PIPP. Dalam Buku Pelancaran Rancangan Malaysia ke-9 Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006) dinyatakan pembangunan modal insan adalah penentu bagi meningkatkan daya saing dan produktiviti negara. Ini bersesuaian dengan kehendak industri serta pasaran semasa dan masa hadapan, di mana pembangunan modal insan perlu dirancang dengan rapi agar dapat meningkatkan bina upaya generasi muda Malaysia ke arah melahirkan tenaga yang terlatih dan berdaya saing, sepadan dan mencukupi dengan keperluan negara pada 2020.

Di antara produk PIPP ialah modal insan yang mempunyai resiliensi diri yang tinggi. Resiliensi juga dikenali sebagai daya tahan merupakan kemampuan dan kebolehan seseorang mengadaptasi secara positif terhadap apa juga situasi yang menekan di samping mempunyai keupayaan menanganinya dengan positif.

Di dalam dasar dan matlamat PIPP sendiri dinyatakan tentang modal insan yang ingin dihasilkan perlu mampu untuk melahirkan generasi yang berfikir secara kritis dan kreatif, berkemahiran menyelesaikan masalah, berkeupayaan mencipta





peluang-peluang baru, mempunyai ketahanan serta berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang sentiasa berubah-ubah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2006).

Hal ini disebabkan melalui mereka yang mempunyai tahap resiliensi yang tinggi dapat melahirkan guna tenaga yang mempunyai penampilan unggul yang mampu membawa pembangunan dan kemajuan kepada negara. Menurut mantan Menteri Pelajaran Malaysia, Datuk Seri Hishammuddin Hussein sewaktu merasmikan Konvensyen Nasional Kedua PIPP 2008 di Institut Aminuddin Baki (IAB), pembinaan modal insan yang menyeluruh meliputi aspek resiliensi diri sangat penting bagi memenuhi keperluan guna tenaga manusia untuk memajukan negara sama ada di peringkat tempatan seterusnya mampu bersaing di peringkat antarabangsa (Tanpa Pengarang, Berita Harian, 2007).

Berdasarkan PIPP, penjana modal insan perlu dimulakan sejak di awal persekolahan lagi. Persoalannya, sejauh manakah perlaksanaan pembinaan modal insan benar-benar berjalan di sekolah? Apakah modul yang digunakan oleh kaunselor untuk menjana dan meningkatkan resiliensi pelajar seterusnya membantu pembinaan modal insan di sekolah? Kajian berhubung pembinaan resiliensi pelajar merupakan salah satu matlamat PIPP adalah wajar dan perlu untuk diketengahkan. Pembinaan modul bimbingan keagamaan bagi menjana jati diri seterusnya melahirkan modal insan yang kompeten merupakan salah satu usaha untuk membantu pelaksanaan PIPP.





1.4 Elemen Religiositi dan Resiliensi

Elemen religiositi atau keagamaan dilihat berperanan meningkatkan resiliensi sama ada dari aspek mental, spiritual dan jati diri kepada individu lebih-lebih lagi dalam mendepani persoalan semasa yang semakin mencabar pada masa kini dan akan datang.

Religiositi adalah tahap keagamaan individu yang dikaitkan dengan tahap kepercayaan dan keyakinan kepada Tuhan di samping mengamalkan ajaran-ajaran agama. Spiritualiti dan religiositi mempunyai perkaitan di mana keduanya menekankan dengan sistem kepercayaan kepada Tuhan. Dalam kajian ini kedua-dua elemen iaitu spiritualiti dan religiositi akan digunakan dan diperbincangkan.

Elemen religiositi merupakan antara pembentuk resiliensi individu. Satu kajian berkaitan resiliensi wanita Korea yang melakukan migrasi ke Amerika menunjukkan agama merupakan salah satu indikator yang mempunyai hubungan signifikan dengan resiliensi mereka di samping indikator *self esteem*, optimis dan budaya ketidakbergantungan (Lee, Brown, Mitchell & Schiraldi, 2008).

Kajian oleh Tarakeshwar, Hansen, Kochman, Fox dan Sikkema (2006), meletakkan elemen religiositi sebagai antara penyumbang resiliensi kanak-kanak yang mengalami trauma akibat keganasan seksual dan HIV. Elemen keagamaan ini meliputi kegiatan keagamaan, kepercayaan kepada agama, intervensi





berlandaskan agama, kehadiran ke majlis keagamaan, membaca kitab agama, sembahyang, kepercayaan kepada Tuhan dan kebergantungan harap kepada Tuhan.

Elemen religiositi menyumbang kepada pembentukan resiliensi seseorang dalam menanggapi pelbagai persoalan hidup. Kajian oleh Graham dan rakan-rakan (2001), mendapati amalan keagamaan meningkatkan tahap resiliensi dan menjadi faktor pelindung kepada stres berbanding mereka yang tidak mengamalkan keagamaan. Begitu juga kajian oleh Hawkins dan rakan-rakan (2009) melihat religiositi sebagai faktor yang dapat meningkatkan resiliensi pelajar dan mencegah dari terlibat dengan salah laku delinkuen.



Pendekatan agama dapat meningkatkan kesihatan mental, keberfungsian sosial dan kualiti hidup. Elemen psikologikal dan sosial berkenaan merupakan antara konstruk utama resiliensi. Kajian mendapati amalan dan cara hidup individu yang melibatkan elemen religiositi memperoleh kesihatan fizikal dan mental yang lebih baik dan kecekapan psikososial yang tinggi (Mc Intosh, 1995). Menurut Graham, Furr, Flowers & Burke (2001) pula, individu yang mempunyai identiti spiritual yang positif dapat meningkatkan kualiti kehidupan dan keefisienan hubungan interpersonal.

Dalam konteks agama Islam, resiliensi dihubungkan dengan aspek dalaman iaitu kekuatan dan kemantapan iman seseorang. Keimanan membuatkan insan itu





percaya pada diri sendiri, mempunyai daya kekuatan untuk menanggung permasalahan dan derita kehidupan, melahirkan rasa tenang dan tenteram dalam jiwa, menimbulkan kedamaian hati dan melahirkan perasaan gembira (Amaludin, 2008).

Mereka yang mempunyai kekuatan agama mempunyai resiliensi serta dapat menjaga dan menguasai diri. Mereka sentiasa mempunyai jiwa yang tenang dan sentiasa bertingkah laku sesuai dengan ajaran agama. Mereka ini juga mempunyai tahap kesabaran yang tinggi walaupun diuji dengan pelbagai perkara (Said Hawa, 2001).



Kajian-kajian di atas menunjukkan elemen religiositi mempunyai hubungan yang signifikan dengan resiliensi individu. Ianya dapat memberikan ketahanan mental, spritual dan jati diri dalam menjana kehidupan di samping mendepani permasalahan yang mereka hadapi. Namun demikian, kajian tempatan yang menghubungkan antara religiositi dengan resiliensi masih di tahap minima. Kajian-kajian lepas menghubungkan resiliensi dengan pemboleh ubah yang lain, seperti kajian faktor ekologiikal ke atas perkembangan personaliti dan resiliensi (Mariani, 2004) di samping kajian kesan kaunseling kelompok ke atas penyesuaian remaja berisiko di mana antara pemboleh ubah terikat termasuklah elemen resiliensi (Mohammad Nasir, 2006).





Kajian-kajian lepas juga menunjukkan elemen religiositi mempunyai hubungan dengan resiliensi serta mampu meningkatkan tahap resiliensi seseorang (Lee dan rakan-rakan, 2008; Tarakeshwar dan rakan-rakan, 2006; Graham dan rakan-rakan, 2001). Kebanyakan kajian hanya melihat kepada fenomena resiliensi serta hubungannya dengan pelbagai pembolehubah yang lain. Kajian yang berfokus kepada pembinaan dan peningkatan resiliensi melalui bimbingan dan latihan belum diketengahkan. Justeru itu, kajian yang menetengahkan intervensi menggunakan modul religiositi untuk mempertingkatkan resiliensi adalah sangat diperlukan.

1.5 Keperluan Bimbingan dan Kaunseling Keagamaan oleh Kaunselor



Sarjana barat telah mula mengalih pandangan kepada bimbingan dan kaunseling yang mencerap unsur-unsur spiritual dan agama. Terdapat banyak artikel yang ditulis mengaitkan isu agama dan kerohanian dalam kesihatan mental seperti kaunseling dan psikoterapi diterbitkan dalam jurnal-jurnal utama dalam bidang ini, di samping pembentangan di konvensyen dan seminar kesihatan mental (Sapora, 2009). Ramai pengkaji telah membincangkan kerelevanan isu spiritual dalam kaunseling dan psikoterapi (Allen, Jackie, Coy & Rhea 2004; Bruce, Alice, Cockreham & Debbie, 2004 ; Belaire, Christine & Scott, 2000; Curtis, Russell, Davis & Keith, 1999; Everts & Agee, 1995; Graham, Furr, Flores & Burke, 2001; Hall, Dixon & Mauzey, 2004; Kelly, 1994; La Torre, 2002)





Elemen agama merupakan satu keperluan dalam kehidupan. Tinjauan yang dibuat di Amerika berkaitan keperluan agama dalam kehidupan menunjukkan bahawa 96% responden bersetuju bahawa agama adalah satu elemen penting dalam kehidupan manusia (Gallup, 2008).

Elemen keagamaan dalam proses bimbingan dan kaunseling perlu diketengahkan. Hal ini dibuktikan dengan kajian yang menggunakan modul bimbingan dan kaunseling yang mencerap perspektif spiritual dan keagamaan dapat mengurangkan tekanan dan kebimbangan sosial di samping meningkatkan konsep sendiri sampel (Finney & Maloney, 1985),



Aspek agama dan spiritual merupakan komponen yang penting dalam aspek kesihatan mental. Penekanan kepada aspek ini akan menjadikan proses rawatan lebih efektif (Bergin, 1991). Ia dapat memberikan harapan dan keyakinan kepada individu yang berhadapan dengan ketidakpastian dan konflik. Integrasi aspek agama dan spiritual dalam kaunseling dapat memberikan celik akal kepada klien berkaitan kepercayaan yang tertanam dalam diri mereka.

Pendekatan kaunseling dalam perspektif Islam dilihat mampu menangani pelbagai masalah klien. Intervensi dalam Islam melihat permasalahan manusia sehingga kepada punca sebenar sesuatu masalah (Malik Badri, 1995). Menurut Malik Badri (1997), berdasarkan pengalaman dalam melakukan intervensi, beliau telah





menggabungkan kaedah kognitif dan tingkah laku dengan ajaran Islam di mana klien beliau telah menunjukkan perubahan yang positif.

Kajian pendekatan psikologi dan kaunseling berperspektif Islam masih di tahap yang minima. Menurut Malik Badri (2001), pakar psikologi dan kaunseling Islam seharusnya tidak hanya mengamalkan pendekatan kaunseling barat yang sedia ada. Mereka perlu menyedari peranan mereka dalam masyarakat dengan melakukan kajian-kajian berkaitan perkhidmatan mereka.

Dalam masa yang sama terdapat juga pendekatan kontemporari yang tidak serasi dengan ajaran dan amalan di dalam Islam. Menurut Hassan Langgulung (1990),



terdapat pendekatan barat yang tidak bersesuaian dengan ideologi, nilai dan



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

budaya Islam, maka perlunya kepada pendekatan psikoterapi dan kaunseling yang dapat dilakukan dengan lebih berkesan untuk membantu mengatasi pelbagai masalah masyarakat. Malik Badri (2001) berpandangan bahawa, ahli psikologi dan kaunseling mempunyai peranan besar dalam mengetengahkan intervensi yang membantu masyarakat berdasarkan kajian yang dilakukan. Namun menurut beliau, terdapat juga pendekatan yang tidak membantu dan bercanggah dengan norma dan ajaran Islam.

Dalam konteks tempatan, bimbingan dan kaunseling berperspektif Islam mula diperbincangkan di sekitar tahun 1980an (Amaludin, 2008). Ini bermula dengan kajian yang membincangkan tentang konsep manusia dan perbandingan





personaliti antara teori kaunseling Barat dan Islam (Abdul Rahman, 1982; Nor Anisah Malek, 1985; Baharom Bakar, 1989). Terdapat juga beberapa penulisan yang mengemukakan prinsip, falsafah dan metod kaunseling berperspektif Islam turut diketengahkan (Abdul Rahman, 1989; Misnan, 1989; Aziz Salleh, 1993; Eani Rashida, 1993; Ishammuddin, 2000; Wan Hussein, 1994; Hasan Langgulung, 1995; Kamal, 1995; Siti Zalikah, 2004; Othman, 2005; Yatimah, 2005; Adawiyah, 2007; Salasiah Hanin Hamjah, 2008).

Meskipun kaunseling berperspektif Islam sudah mula memperlihatkan perkembangannya namun ianya belum mencapai tahap yang diterima oleh pengamal secara menyeluruh. Usaha untuk memantapkan satu perspektif baru



terhadap pendekatan psikologi kaunseling berlandaskan agama Islam perlu



ditingkatkan (Wan Abd Kader & Ismail, 2006; Yatimah & Tajudin, 2008; Sapora, 2009). Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat mengukuhkan satu disiplin ilmu kaunseling berperspektif Islam secara lebih menyeluruh bersesuaian dengan pegangan nilai dan budaya tempatan.

Pendekatan agama dilihat lebih menyeluruh mencakupi keperluan manusia. Aplikasi *Whole Person Counseling* dianggap sebagai kaunseling sebenar kerana mula membincangkan tentang aspek manusia yang meliputi aspek jiwa, roh dan jasad (Yatimah & Tajudin, 2008). Menurut Othman (2005), sudah sampai masanya pendekatan teori kaunseling mengarah kepada satu klasifikasi yang





dapat meletakkan unsur spiritual dan keagamaan ke dalam corak dimensi pendekatan teori kaunseling yang lebih menyeluruh.

Othman (2005) telah mengetengahkan satu pendekatan teori Psikologi Kognitif *ad-Din* yang mengiktiraf fitrah dan keperluan manusia kepada agama dalam konteks Islam yang bersifat komprehensif. Menurut beliau, roh dan jasad merupakan konstruk utama dalam fitrah manusia mengikut kefahaman Islam. Fitrah manusia pula terbahagi kepada empat dimensi yang memangkinkan keperluan sendiri iaitu dimensi roh, diri (*nafs*), kalbu dan akal. Perkara ini diperakui oleh Zainab (2006), yang mengatakan model kaunseling Islam perlu mengambil kira pembangunan dan keperluan manusia yang seimbang dan bersesuaian dengan hakikat kejadian manusia itu sendiri.

Di dalam perkembangan lain, terdapat juga penulisan dan kajian berkaitan pembentukan modul rawatan bimbingan dan kaunseling berperspektif Islam. Ini termasuklah pembinaan Modul Pembangunan Remaja- Program Pembangunan Sosial (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2002); Panduan pengajian Islam meniti kegemilangan - bimbingan Agama dan kaunseling di penjara (Jawiah, Siti Rugayah, Idris, Mazlan, Shofian, Khaidzir & Adawiyah, 2008); *The Effect of Islamic Volitional Training on Volition, Academic Self-Regulation and Academic Procrastination* (Nadiyah, 2005). Namun demikian, kebanyakan penulisan dan pembinaan modul berkenaan tidak memenuhi proses pembinaan modul yang sepatutnya.





Pembinaan sesebuah modul memerlukan pendekatan dan kepatuhan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan. Rusell (1974) telah memberikan garis panduan yang mantap berkaitan dengan proses pembinaan sesuatu modul. Begitu juga penulisan oleh Sidek dan Jamaludin (2005), telah menggariskan tentang bagaimana membina modul latihan dan akademik yang sempurna.

Bimbingan dan kaunseling yang mencerap elemen keagamaan perlu diketengahkan. Justeru itu, kajian terhadap pembinaan modul mendasari kepada elemen agama dan spiritual adalah sangat relevan. Kekurangan modul bimbingan berperspektif Islam yang melalui proses kajian ilmiah meletakkan kajian seumpama ini perlu diketengahkan.



1.6 Kajian Bimbingan Keagamaan Berperspektif Islam

Terdapat beberapa penulisan yang membincangkan tentang bimbingan dan kaunseling berperspektif Islam. Kajian yang dilakukan oleh Mohd Nasir (2005) menunjukkan banyak penulisan berkaitan bimbingan lebih kepada pembinaan diri dan pembentukan akhlak. Di antara contoh penulisan oleh ulama silam seperti penulisan al Farabi dan Ibnu Sina yang membincangkan tentang falsafah akhlak manakala al Kindi berkaitan intervensi dukacita. Penulisan al-Razi pula berhubung dengan rawatan mental. Ibnu Miskawayh membincangkan tentang rawatan penyakit mental. Penulisan al-Ghazali pula membincangkan secara terperinci berkaitan pembinaan diri dan pemikiran akhlak Islam.

Kebanyakan penulisan berkaitan bimbingan dan intervensi berperspektif Islam lebih bercorak konseptual tanpa melalui kajian empirikal. Penulisan mereka





yang berfokus kepada pembentukan akhlak perlu kepada kajian lanjutan. Sumbangan besar kepada penulisan ulama silam yang berkisar kepada intervensi keagamaan boleh dikembangkan sebagai rawatan terhadap pelbagai isu dalam kalangan remaja. Perkara ini sejajar dengan pandangan Malik Badri (2001) di mana pengamal psikologi Islam perlu ke hadapan memperkembangkan ilmu dan amalan dengan melakukan kajian-kajian berkaitan perkhidmatan mereka.

Kajian ini merupakan antara usaha untuk memperkembangkan kajian berkaitan bimbingan dan intervensi berperspektif Islam yang mendasari pandangan Imam al-Ghazali. Meskipun terdapat banyak penulisan berkaitan tokoh ilmuan lain namun pengkaji memilih untuk menggunakan model berteraskan penulisan Imam



al-Ghazali kerana gagasan pemikirannya telah dikenali di Malaysia. Banyak



penulisan yang mencerap aspek rawatan keagamaan berperspektif Islam yang berfokus kepada model Imam al-Ghazali. Terdapat beberapa kajian dan penulisan yang menggarap kepada model dan pandangan Imam Ghazali dengan tajuk seperti; Tingkah laku Manusia Kajian Perbandingan antara B.F Skinner dan Imam Ghazali (Eani Rashida, 1993); Kajian Pendekatan Kaunseling Islam Satu Analisis Kualitatif Model Kaunseling Berasaskan Sifat-sifat Manusia oleh Imam Ghazali (Yatimah, 2005); Kajian Pendekatan *Dakwah Al-Irsyad Al-Nafsiyy* menurut al-Ghazali – Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Salasiah, 2008); *Al-Ghazali's Epistemological Thought on the Sources of Knowledge and its Significance in the Development of Malay Thought* (Mohd Nuri, Mohd Fauzi & Sahrina, 2004); Teori Kaunseling Al-Ghazali (Yatimah &





Mohd Tajudin, 2008) dan Kesan Bimbingan Kelompok Pendekatan al-Ghazali dalam Menangani Penyelewengan Tingkah laku Seksual di kalangan Pelajar Sekolah Menengah di Negeri Johor (Roslee, 2011).

Rangkuman ilmu Islam yang digarap oleh Imam Al-Ghazali di dalam kitab *Ihya Ulumuddin* tidak keterlaluan apabila ia boleh dijadikan asas bagi membina model kaunseling berasaskan perspektif Islam (Yatimah & Mohd Tajudin, 2008). Satu disiplin ilmu berkaitan dengan pembinaan personaliti telah diuraikan dengan terperinci di dalam kitab berkenaan. Ia bukan sahaja membincangkan tentang sifat-sifat dan keperluan manusia bahkan meliputi bentuk intervensi rawatan terhadap kecelaruan dan perbuatan keji (*mazmumah*) yang dilakukan oleh



individu.



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

Imam Al-Ghazali boleh dianggap antara ahli psikologi dan psikoterapi Islam yang awal yang merupakan antara perintis kepada terapi moden (Malik Badri, 1997) di mana telah meninggalkan khazanah ilmu yang tidak ternilai. Perkara ini turut diakui oleh Khalil (2001) yang mengatakan Imam Al-Ghazali merupakan salah seorang tokoh yang telah memberi sumbangan besar membangunkan bidang psikologi Islam yang cukup bermakna.

Pendekatan Imam Al-Ghazali meskipun menjurus kepada metodologi tasawuf (berkaitan jiwa) namun pendekatan bimbingan dan rawatan sangat komprehensif melibatkan aspek emosi, pemikiran dan tingkah laku. Dalam konteks kaunseling





dalam Islam ia dianggap sebagai pelopor dalam bidang kaunseling Islam (Rokiah, Aziah, Hasyati & Norlia , 2007), penulisannya boleh dijadikan asas model kaunseling pendekatan Islam kerana sumber rujukan yang menyeluruh berteraskan al-Quran dan Hadis (Yatimah & Mohd Tajudin, 2008). Imam Al-Ghazali menekankan konsep fitrah dan kesejahteraan manusia secara dinamik dan komprehensif (Othman, 2005).

Kebanyakan penulisan dan kajian lebih berkisar kepada gagasan pemikiran Imam al-Ghazali. Kajian yang berfokus kepada rawatan dan intervensi masih berkurangan. Kajian lepas lebih tertumpu kepada keperluan intervensi keagamaan, konsep manusia menurut al-Ghazali di samping beberapa aspek lain yang kurang berfokus kepada model bimbingan dan intervensi al-Ghazali secara empirikal. Kajian pembinaan modul bimbingan yang mencerap model Imam al-Ghazali akan melengkapkan lagi kajian-kajian lain sebelum ini.

1.7 Keperluan Modul Bimbingan Keagamaan dalam Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling di Sekolah

Tugas utama kaunselor pelajar meliputi aspek bimbingan di samping memberi khidmat kaunseling kepada pelajar. Program bimbingan memerlukan perancangan yang sistematik dan tersusun agar dimanfaatkan oleh semua pelajar di sekolah (Khadijah Rohani & Nazariah, 2006). Penggunaan modul merupakan salah satu pendekatan dalam proses memberi perkhidmatan bimbingan kepada pelajar (Jamaludin, 2007).





Penggunaan modul boleh digunakan dalam rawatan dan bimbingan untuk pembinaan dan perkembangan individu. Terdapat beberapa modul yang dibina bagi tujuan berkenaan. Ini termasuklah Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah Untuk Institusi Pengajian Tinggi (Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi KPT, 2006); Modul Pendidikan Kerjaya Sekolah Menengah (Unit Perkhidmatan Pelajar Bahagian Pengurusan Prasekolah, Rendah dan Menengah KPM, 1995); Modul Latihan Bersepadu Bagi Guru Bimbingan dan Kaunseling (Aziz, 2008); Modul dan Kaunseling Penyalahgunaan Dadah (Jamaludin, 2007); Modul Pembinaan Budaya Ilmu (Mohd Yusof, 1993); Modul Latihan Kemahiran Menolong (Mohamed Fadzil, 2008), merupakan antara beberapa buah modul



yang dibentuk berdasarkan matlamat dan tujuan tertentu dalam rawatan dan bimbingan.

Penggunaan modul boleh membantu kaunselor dan pembimbing dalam memberikan perkhidmatan dan bimbingan dengan lebih tersusun dan berkesan. Kajian oleh Jamaludin (2002) menunjukkan modul bimbingan PMD (Program Maju Diri) dapat meningkatkan produktiviti, pencapaian, semangat dan kesedaran yang berkekalan. Kajian oleh Habibah (1991) dan kajian oleh Jamaludin dan Nurul (2010) membuktikan bahawa penggunaan modul dapat membantu meningkatkan motivasi dan prestasi pencapaian seseorang pelajar.





Salah satu daripada tumpuan perkhidmatan kaunseling di sekolah adalah berorientasikan perkembangan yang dilaksanakan secara menyeluruh kepada semua pelajar. Bidang yang berorientasikan perkembangan meliputi perkembangan agama dan moral, perkembangan psikososial, perkembangan kognitif dan afektif, perkembangan fizikal dan seksual serta perkembangan vokasional dan kerjaya (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1993; Sektor Hal Ehwal Murid Jabatan Pelajaran Perak, 2001). Ini menunjukkan elemen keagamaan merupakan antara bidang tumpuan dalam perkhidmatan bimbingan dan kaunseling yang perlu di ambil perhatian.



Pembinaan modul keagamaan merupakan satu keperluan yang boleh membantu kaunselor dalam perkhidmatan mereka. Namun demikian, modul bimbingan yang mendasari elemen keagamaan untuk perkembangan diri pelajar belum dibina dan digunakan secara meluas di sekolah. Pembinaan dan penggunaan modul keagamaan diperlukan kerana ia dapat membantu memperkembangkan potensi diri pelajar meliputi aspek kerohanian, jasmani, emosi, intelek, sosial akhlak dan estetika (Siti Hawa, 1997).

Melihat kepada kepentingan modul keagamaan dalam membantu tugas-tugas kaunselor, maka kajian kepada pembinaan modul keagamaan yang berkualiti adalah wajar. Modul keagamaan ini boleh dijadikan sebagai salah satu bentuk intervensi yang boleh digunakan untuk menangani pelbagai isu salah laku di samping membantu perkembangan diri pelajar.





1.8 Ringkasan Pernyataan Masalah

Peningkatan gejala sosial dikaitkan dengan rendahnya tahap resiliensi dan religiositi. Laporan media dan Kementerian Pelajaran Malaysia menunjukkan peningkatan isu juvana perlu ditangani secara praktikal dan berkesan oleh semua pihak. Kajian menunjukkan elemen religiositi mempunyai pengaruh terhadap pembentukan dan peningkatan tahap resiliensi. Kajian juga mendapati pendekatan agama boleh digunakan untuk rawatan di samping membantu mengurangkan keterlibatan remaja kepada tingkah laku delinkuen. Peningkatan kes salah laku remaja di samping kekurangan intervensi yang mencerap elemen keagamaan menjadikan kajian ini sebagai satu keperluan bagi memenuhi hasrat tersebut.



Elemen resiliensi juga merupakan antara elemen penting dalam melahirkan modal insan. Justeru itu elemen ini turut ditekankan di dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (Kementerian Pelajaran, 2006) bagi melahirkan generasi yang berkebolehan untuk berhadapan dengan persekitaran dunia global yang semakin mencabar. Resiliensi diri sangat penting bagi melahirkan insan yang kental, berani, tidak putus asa, sanggup menerima cabaran dan berfikir optimis untuk memenuhi keperluan guna tenaga manusia memajukan negara sama ada di peringkat tempatan seterusnya mampu bersaing di peringkat antarabangsa. Modul yang berfokus untuk meningkatkan resiliensi belum banyak diketengahkan. Pembinaan modul religiositi dalam kajian ini





merupakan salah satu usaha untuk membantu pelaksanaan pembinaan modal insan selaras dengan PIPP.

Kajian-kajian luar negara menunjukkan resiliensi mempunyai hubungan dengan faktor religiositi. Elemen religiositi merupakan antara pembentuk resiliensi individu di samping membina kekuatan mental, spritual dan jati diri. Pendekatan agama juga dapat meningkatkan emosi, kesihatan mental dan kefungsiian sosial. Manakala kajian tempatan yang melihat faktor resiliensi dan religiositi masih terencil. Kebanyakan kajian-kajian tempatan berkaitan dengan resiliensi dihubungkan dengan pemboleh ubah yang lain seperti faktor ekologiikal (Mariani, 2004); remaja berisiko (Mohamad Nasir, 2006); konsep sendiri (Mohammad Aziz Shah, 2010) dan lain-lain lagi. Kajian untuk melihat hubungan antara resiliensi dengan religiositi dalam konteks tempatan adalah wajar.

Kajian-kajian lampau yang berkait dengan resiliensi lebih kepada fenomena resiliensi dan hubungan resiliensi dengan pelbagai pemboleh ubah yang lain. Kajian berkaitan bimbingan menggunakan elemen religiositi untuk melatih meningkatkan resiliensi adalah perkara baru. Kajian ini mengetengahkan pembentukan dan peningkatan resiliensi melalui latihan dan bimbingan menggunakan modul religiositi.

Perkembangan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling di barat telah mula menekankan unsur-unsur spiritual dan agama. Komponen spiritual dan agama penting dalam kesihatan mental, membantu mengurangkan tekanan dan





keimbangan, meningkatkan konsep sendiri di samping menjadikan intervensi lebih efektif. Kaunseling spiritual dan keagamaan di negara kita khususnya berperspektif Islam juga sudah memperlihatkan perkembangannya. Namun kajian dan pengamalannya masih agak terpencil. Usaha untuk memantapkan satu perspektif baru terhadap pendekatan psikologi kaunseling berlandaskan agama Islam perlu ditingkatkan (Wan Abd Kader & Ismail, 2006; Yatimah & Tajudin, 2008; Sapora, 2009). Kajian ini diharapkan dapat memantapkan disiplin bimbingan dan kaunseling berperspektif Islam yang praktikal bersesuaian dengan pegangan nilai dan budaya tempatan.

Di dalam perkembangan lain terdapat modul rawatan dan bimbingan perspektif



Islam yang telah dibina bertujuan untuk pembentukan sahsiah dan personaliti.



Namun demikian, ianya tidak memenuhi proses pembinaan modul yang sepatutnya. Pembinaan sesebuah modul memerlukan pendekatan dan kepatuhan kepada prosedur-prosedur yang telah ditetapkan (Rusell, 1974). Kekurangan modul bimbingan berperspektif Islam yang melalui proses kajian ilmiah meletakkan kajian seumpama ini perlu diketengahkan. Kajian ini melibatkan pembinaan modul secara empirikal berdasarkan model dan prosedur yang mencerap kepada aspek agama dan spiritual.

Tidak dinafikan terdapat beberapa penulisan yang membincangkan tentang bimbingan dan kaunseling berperspektif Islam dari para pemikir Islam. Namun pengkaji memilih untuk menggunakan model berteraskan penulisan Imam al-Ghazali kerana gagasan pemikirannya telah dikenali di Malaysia. Imam al-





Ghazali telah mengetengahkan satu disiplin ilmu berkaitan dengan pembinaan personaliti telah dihuraikan dengan terperinci. Namun demikian kajian empirikal yang berfokus kepada rawatan dan intervensi model Imam al-Ghazali masih berkurangan. Kajian pembinaan modul bimbingan yang mencerap model Imam al-Ghazali akan melengkapkan lagi kajian-kajian lain sebelum ini.

Penggunaan modul bimbingan yang mendasari elemen keagamaan untuk perkembangan diri remaja dan pelajar belum dibina dan digunakan secara meluas di sekolah. Pembinaan dan penggunaan modul keagamaan diperlukan kerana ia dapat membantu memperkembangkan potensi diri pelajar meliputi aspek kerohanian, jasmani, emosi, intelek, sosial akhlak dan estetika. Kajian ini akan



membantu kaunselor dalam aspek bimbingan untuk perkembangan sahsiah diri di samping mengatasi isu salah laku dengan menggunakan modul keagamaan.



1.9 Tujuan Kajian

Kajian ini bertujuan untuk membina modul bimbingan keagamaan berperspektif Islam yang dikenali sebagai Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Nafs* (MBTN) seterusnya menguji modul berkenaan dari aspek religiositi dan resiliensi pelajar. Pembinaan MBTN adalah berdasarkan prosedur pembinaan modul Rusell (1974) dan Sidek dan Jamaludin (2005). Untuk melihat sejauh mana modul berkenaan benar-benar boleh digunakan oleh kaunselor dan pembimbing di sekolah, modul berkenaan seterusnya diuji ke atas pelajar sekolah menengah. Di samping itu kajian ini bertujuan untuk melihat kesan religiositi ke atas peningkatan resiliensi.





1.10 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ialah pembinaan modul bimbingan keagamaan berperspektif Islam yang dikenali sebagai Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Nafs* berdasarkan prosedur pembinaan modul. Di samping itu, objektif kajian ini juga dilakukan untuk melihat kesan latihan peningkatan religiositi ke atas tahap resiliensi responden.

Selari dengan tujuan kajian, objektif kajian yang digariskan adalah seperti berikut:

1. Membina modul bimbingan keagamaan MBTN berdasarkan kajian kepustakaan dan temu bual pakar di samping menguji kesahan dan tahap kebolehpercayaan modul.

2. Mengukur kesan modul MBTN yang telah dibina meliputi:

- 2.1 Mengukur kesan rawatan bimbingan kelompok Modul Bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* (MBTN) terhadap religiositi dan resiliensi pelajar

- 2.2 Mengukur kesan rawatan bimbingan kelompok Modul Bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* (MBTN) terhadap religiositi dan resiliensi pelajar lelaki dan perempuan. Ini bertujuan untuk melihat sama ada rawatan menggunakan MBTN berkesan kepada kedua-dua kelompok berkenaan.

3. Mendapatkan maklum balas responden kajian terhadap rawatan bimbingan kelompok menggunakan Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Nafs*





1.11 Persoalan Kajian

Persoalan-persoalan kajian dalam kajian ini ialah:

1. Bagaimanakah Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Nafs* dibina?
 - 1.1 Bagaimanakah proses pembinaan MBTN?
 - 1.2 Adakah MBTN mempunyai kesahan kandungan dan kebolehpercayaan yang baik?
2. Apakah kesan Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Naf* terhadap religiositi dan resiliensi pelajar?
 - 2.1 Adakah terdapat kesan rawatan bimbingan kelompok menggunakan Modul Bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* (MBTN) terhadap religiositi dan resiliensi pelajar?
 - 2.2 Adakah terdapat kesan rawatan bimbingan kelompok menggunakan Modul Bimbingan *Tazkiyah An-Nafs* (MBTN) terhadap religiositi dan resiliensi pelajar lelaki dan perempuan ?
3. Bagaimanakah maklum balas responden kajian terhadap rawatan bimbingan kelompok menggunakan Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Nafs*?

1.12 Hipotesis Kajian

Berdasarkan Persoalan Kajian 2, hipotesis-hipotesis berikut di bina:





Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan signifikan skor min ujian pra dan ujian pos aspek religiositi dan resiliensi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan

- 1.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek religiositi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan
- 1.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek resiliensi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan



Hipotesis 2 : Tidak terdapat perbezaan signifikan skor min ujian pra dan ujian pos aspek religiositi dan resiliensi pelajar lelaki dan perempuan kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan

- 2.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan pos ujian aspek religiositi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan pelajar lelaki
- 2.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek religiositi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan pelajar perempuan





- 2.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek resiliensi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan pelajar lelaki
- 2.4 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos aspek resiliensi kelompok rawatan berbanding kelompok kawalan pelajar perempuan

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan signifikan skor min ujian pra dan ujian pos sub skala religiositi iaitu tingkah laku akidah (TLAQ), tingkah laku ibadah (TLIB) dan tingkah laku akhlak (TLAK) kelompok rawatan

- 3.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos TLAQ kelompok rawatan
- 3.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos TLIB kelompok rawatan
- 3.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos TLAK kelompok rawatan

Hipotesis 4: Tidak terdapat perbezaan signifikan skor min ujian pra dan ujian pos sub skala resiliensi iaitu orientasi masa depan (OMH), Perolehan Kemahiran Aktif (PKA) dan berani menghadapi cabaran (BMC) kelompok rawatan





- 4.1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos OMH kelompok rawatan
- 4.2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos PKA kelompok rawatan
- 4.3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara skor min ujian pra dan ujian pos BMC kelompok rawatan

1.13 Kepentingan Kajian

1.13.1 Kepentingan kepada Perkembangan Ilmu dan Teori

Kajian tentang pembinaan modul yang bercorak ilmiah masih berkurangan di negara kita. Kebanyakan modul yang dibina hanya tertumpu kepada keperluan dan matlamat sesebuah organisasi tanpa memenuhi prosedur-prosedur pembinaan modul yang sebenar. Justeru itu ianya sukar untuk mengukur keberkesanan sesuatu modul itu. Kesignifikan daripada kajian ini diharapkan dapat memberikan gambaran dan garis panduan kepada pengamal bimbingan dan kaunseling serta mereka yang terlibat dengan pembangunan manusia untuk membina sesuatu modul berdasarkan prosedur pembinaan modul seterusnya dapat mengukur keberkesanan modul berkenaan.

Bimbingan dan kaunseling berperspektif Islam masih kurang diterokai oleh para sarjana, pengkaji dan pengamal kaunseling sama ada di dalam negara mahupun di luar negara. Kecenderungan pengamal bimbingan dan kaunseling terhadap isu





spiritualiti dan keagamaan khasnya berperspektif Islam sangat terbatas. Meskipun terdapat pelbagai penulisan yang menyentuh isu ini akan tetapi masih berkisar terhadap konsep tanpa kajian yang menyeluruh. Kesignifikanan kajian ini ialah sumbangan untuk mengetengahkan satu model dan pendekatan bimbingan dan kaunseling spiritualiti berperspektif Islam yang belum diterokai sepenuhnya.

Kajian berkaitan resiliensi kebanyakannya berkisar tentang fenomena berkenaan dan hubungannya dengan pemboleh ubah yang tertentu. Kajian ini mengetengahkan tentang latihan dan bimbingan menggunakan modul untuk membina dan meningkatkan tahap resiliensi seseorang. Sumbangan besar kajian ini ialah pendekatan latihan dan bimbingan menggunakan modul keagamaan



boleh diaplikasikan bagi meningkatkan resiliensi.



1.13.2 Kepentingan kepada Perkembangan Amalan Bimbingan dan Kaunseling

Kajian ini boleh menyumbang kepada perkhidmatan dan amalan bimbingan dan kaunseling di negara kita. Kebanyakan pengamal kaunseling di negara kita kurang memberi tumpuan kepada penyelidikan bercorak rawatan. Kajian-kajian sedia ada lebih tertumpu kepada perkhidmatan, pola pendekatan, isu-isu keperluan dan permasalahan dan seumpamanya. Pelbagai permasalahan psikologikal dalam pasca modenisme memerlukan pendekatan rawatan yang praktikal. Diharapkan kajian ini dapat memberikan sumbangan terhadap memartabatkan profesion bimbingan dan kaunseling.





Sehubungan dengan itu, intervensi perspektif Islam merupakan satu perkembangan yang perlu diketengahkan bagi mendepani pelbagai isu dalam dunia bimbingan dan kaunseling. Kajian-kajian di barat yang mengorak langkah kepada intervensi yang mencerap kepada aspek spiritual dan agama menunjukkan keberkesanan dalam proses membantu. Intervensi agama dapat meningkatkan kesihatan mental, mengurangkan tekanan dan kebimbangan sosial, membantu mereka yang mengalami krisis emosi dan seumpamanya. Kajian ini dapat menyumbang kepada amalan bimbingan dan kaunseling yang mencerap aspek keagamaan di mana ia mengetengahkan satu pendekatan intervensi yang boleh dijadikan sebagai satu alternatif dalam proses membantu.



1.13.3 Kepentingan kepada Masyarakat

Berdasarkan perkembangan semasa, terlalu banyak isu yang dikaitkan dengan kepincangan nilai moral yang mempunyai hubungan yang signifikan dengan pegangan agama yang longgar. Dalam hal yang sedemikian perlunya satu bentuk rawatan khusus yang berkait rapat dengan pendekatan keagamaan dan spiritual. Diharapkan modul yang dibina dapat dijadikan garis panduan dalam pelaksanaan rawatan oleh pengamal kaunseling dan juga mereka yang terlibat secara langsung dalam pembinaan insan sama ada di jabatan kerajaan, swasta, jabatan agama atau di jabatan-jabatan lain, sekolah serta pelbagai institusi yang lain.





1.14 Batasan Kajian

Terdapat beberapa batasan kajian yang dijalankan bagi kajian ini. Ianya meliputi aspek sampel kajian, skop kandungan instrumen religiositi, kesahan modul dan kebolehpercayaan modul.

1.14.1 Sampel Kajian

Populasi kajian hanya kepada sebuah Sekolah Menengah Kebangsaan sahaja. Sampel yang dipilih oleh pengkaji adalah dalam kalangan pelajar yang pernah melakukan salah laku dalam kategori sederhana dan ringan sahaja. Pelajar yang melakukan kesalahan berat tidak dipilih sebagai sampel kajian. Pemilihan ini adalah kerana kebanyakan laporan kes salah laku pelajar adalah dalam lingkungan



kategori berkenaan.



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

Kajian ini juga menggunakan responden yang beragama Islam kerana kajian ini menggunakan modul keagamaan dari perspektif Islam tidak dari perspektif agama-agama yang lain.

1.14.2 Skop Kandungan Instrumen Religiositi

Religiositi dalam kajian ini terbatas kepada religiositi dari perspektif Islam bukan dari perspektif agama yang lain. Religiositi mengikut perspektif Islam juga sangat luas yang merangkumi seluruh kehidupan manusia. Dalam kajian ini, skop kandungan instrumen religiositi hanya tertumpu kepada konstruk akidah, syariah dan akhlak sahaja. Manakala dalam konstruk syariah hanya tertumpu kepada





elemen ibadah sahaja. Ketiga-tiga konstruk pula hanya ditumpukan kepada elemen tingkah laku sahaja. Pemilihan konstruk berkenaan disebabkan ianya merupakan perkara asas dalam Islam dan perkara utama dalam pembinaan personaliti seseorang.

1.15 Definisi Pembolehubah

1.15.1 Modul Bimbingan

Modul adalah merujuk kepada pakej pembelajaran sendiri yang direka secara terancang dan sistematik menggabungkan pendekatan sistem dan humanistik (Shaharom & Yap, 1991). Modul bererti unit-unit yang terkandung dalam satu keseluruhan yang lebih besar. Ia merupakan bahagian-bahagian kecil yang tersendiri tetapi lengkap dan berkait rapat antara satu bahagian kecil dengan bahagian-bahagian kecil yang lain (Sharifah Alawiyah, 1981). Modul merupakan unit pengajaran dan pembelajaran yang membincangkan sesuatu tajuk tertentu secara sistematik dan berurutan bagi memudahkan pelajar belajar secara bersendirian supaya dapat menguasai sesuatu unit pembelajaran dengan mudah dan tepat (Sidek & Jamaludin, 2005). Menurut Warwick (1988) pula, modul merupakan satu unit lengkap yang boleh dihubungkan kepada unit seterusnya ke arah pencapaian satu tugas yang lebih besar atau matlamat jangka panjang.

Dalam bidang pendidikan, modul boleh dianggap sebagai unit-unit media dalam satu rancangan mengajar bagi memudahkan pemahaman pelajar. Dalam bidang motivasi, modul merupakan satu bahan, alat dan sumber yang mengandungi pelbagai aktiviti yang telah dirancang secara sistematik bagi memudahkan pelajar





mencapai dan menguasai objektif-objektif yang telah ditetapkan (Sidek & Jamaludin, 2005)

Shertzer dan Stone (1981) mendefinisikan bimbingan sebagai satu proses menolong individu untuk memahami diri dan alam sekelilingnya. Proses ini menunjukkan satu usaha yang berterusan dan melibatkan banyak langkah dalam mencapai matlamat. Suradi (1996) mendefinisikan bimbingan sebagai suatu proses untuk membantu individu memahami dirinya dan dunia sekelilingnya supaya ia boleh menggunakan kebolehan, keupayaan dan bakat yang ada dengan sepenuhnya.



Modul Bimbingan dalam kajian ini merujuk kepada modul bimbingan



ptbupsi

berperspektif Islam yang dibangunkan oleh pengkaji sebagai salah satu intervensi untuk membantu individu memahami dirinya seterusnya menggunakan kebolehan dan keupayaan diri untuk berubah dan berkembang. Modul bimbingan ini mengandungi pelbagai aktiviti yang dirancang secara sistematik berdasarkan teori dan objektif-objektif yang telah ditetapkan. Ia merupakan satu pakej pembelajaran terancang dan berurutan yang boleh digunakan sebagai bimbingan oleh pengamal kaunseling atau mereka yang terlibat dengan profesion membantu di samping boleh digunakan sebagai pembelajaran sendiri.





1.15.2 Kelompok Bimbingan

Bimbingan melibatkan pertolongan bagi menolong membuat keputusan ke arah matlamat yang dituju (Gladding, 2003), yang diberikan kepada pelajar yang ke arah perkembangan atau pertumbuhan mental, sosial, intelek, fizikal, emosi, kejiwaan dan kerohanian (Shertzer & Stone, 1981). Ianya adalah satu proses membantu individu memahami persekitarannya agar mampu menggunakan keupayaan dan bakat yang ada padanya (Abdul Malek, 2003).

Bimbingan boleh dilakukan dalam bentuk individu atau kelompok. Menurut Ida Hartina (2006), kelompok bimbingan banyak dilakukan di sekolah bagi membantu proses membimbing pelajar. Perkhidmatan bimbingan berbeza dengan kaunseling kerana tumpuan lebih kepada penyebaran maklumat berbanding penerokaan secara mendalam.

Terdapat dua jenis kelompok bimbingan iaitu kelompok bimbingan kecil dan kelompok bimbingan besar. Menurut Myrick (1993), jumlah ahli kelompok bimbingan kecil dalam sekitar 6 hingga 15 orang manakala kelompok bimbingan besar pula melebihi 15 hingga 100 orang atau tiada had bilangan ahli. Namun jumlah peserta perlu dihadkan bergantung kepada jumlah fasilitator yang mengendalikannya.

Dalam kajian ini kelompok bimbingan hanya berfokus kepada kelompok kecil iaitu seramai 6 – 15 orang dalam satu kelompok. Kelompok bimbingan bersaiz kecil membolehkan perbincangan lebih mendalam dan meningkatkan tumpuan





fasilitator dan peserta. Fokus antara kelompok bimbingan adalah untuk menyebarkan maklumat pendidikan, kerjaya dan psikososial (Ida Hartina, 2006).

1.15.3 Kesalahan Disiplin

Menurut Abdullah Sani (2005), disiplin adalah suatu bentuk latihan bagi mengawal tingkahlaku murid-murid melalui hukuman dan ganjaran. Ianya mengandungi peraturan-peraturan dan undang-undang bertujuan untuk membentuk tingkahlaku yang baik dalam kalangan pelajar.

Menurut Mohd Ismail (2006) disiplin sekolah mempunyai dua tujuan besar iaitu memastikan pelajar, guru dan kakitangan sekolah dalam keadaan selamat serta



menyediakan suasana pembelajaran yang baik. Justeru itu pembinaan disiplin di



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

sekolah hendaklah digerakkan melalui kerjasama mematuhi peraturan-peraturan, menyedari hak dan tanggungjawab setiap warga sekolah di samping setiap warga sekolah memberi sumbangan untuk mewujudkan iklim yang harmoni.

Laporan Jawatankuasa Kabinet yang mengkaji Perlaksanaan Dasar Pelajaran 1979 merumuskan pengertian ‘disiplin’ seperti berikut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1979):

“Disiplin dimaksudkan dengan kesanggupan seseorang individu menghormati dan mematuhi undang-undang sama ada disiplin itu dikenakan dari luar atau dengan kerelaan sendiri. Disiplin juga





bermakna kesanggupan seseorang itu bekerja atau membuat sesuatu dengan cukup tertib, kesanggupan menghormati hak individu lain, kesanggupan mengamalkan tingkah laku yang baik dan tidak mengganggu tingkah laku orang lain, kesanggupan hormat menghormati di antara satu dengan lain dan mempunyai semangat tolong menolong dan kesanggupan membina keadaan yang sedia ada menerusi usaha yang membina serta sanggup berkhidmat kepada masyarakat”.

Ini menunjukkan disiplin sekolah yang terkawal melibatkan sikap positif dan keterbukaan untuk mematuhi undang-undang dengan kerelaan demi kebaikan diri pelajar itu sendiri. Sikap toleransi, tolong menolong, menghormati setiap warga sekolah di samping sentiasa mengamalkan tingkahlaku baik akan mewujudkan suasana sekolah yang aman.

Kementerian Pelajaran Malaysia dalam surat pekeliling ikhtisas bil. 7/2003 telah memberikan garis panduan dengan mengkategorikan disiplin pelajar kepada tiga iaitu kategori berat, sederhana dan ringan (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2003). Setiap kategori telah dikelaskan mengikut bentuk-bentuk kesalahan yang dilakukan oleh para pelajar. Di antara contoh-contoh kategori disiplin yang diberikan adalah seperti berikut:

1. Kesalahan berat:
 - a. Kurang sopan dan melawan guru





- b. Menyimpan, membawa, mengedar, menghisap atau terbabit dalam kegiatan dadah
 - c. Melakukan zina, liwat, hubungan luar tabii.
 - d. Ragging
 - e. Merosakkan harta awam (vandalism)
2. Kesalahan sederhana:
- a. Bising dan ganggu kelas
 - b. Ponteng sebarang acara rasmi sekolah
 - c. Bercakap bohong
 - d. Menconteng pada harta benda sekolah
3. Kesalahan ringan:
- a. Datang lewat
 - b. Tidak buat kerja rumah
 - c. Tidak membawa buku
 - d. Tidak memakai pakaian sekolah yang lengkap.



Dalam kajian ini, permasalahan disiplin berfokus kepada para pelajar yang melakukan kesalahan disiplin dalam kategori ringan dan sederhana. Ini disebabkan statistik salah laku disiplin dalam kalangan pelajar dari Kementerian Pelajaran Malaysia pada tahun 2007, 2008 dan 2009 menunjukkan jumlah pelanggaran disiplin kebanyakan pelajar adalah dalam kategori ringan dan sederhana (Kementerian Pelajaran, 2010).





Kesalahan disiplin pelajar kategori ringan dan sederhana adalah kesalahan yang mana perbuatannya boleh membawa kepada gangguan ketenteraman sekolah tetapi tidak sampai mendatangkan bahaya dan kemudaratan kepada diri atau pelajar lain. Namun demikian, sekiranya lebih kerap kesalahan tersebut berlaku ianya boleh membawa kepada ikutan oleh pelajar lain dan boleh mendatangkan kemudaratan serta keharmonian sistem pendidikan di sekolah. Justeru itu intervensi awal oleh kaunselor akan membantu mengurangkan dan mengatasi masalah tersebut.

1.15.4 *Tazkiyah an-Nafs*

Menurut Imam Ghazali (2007), *tazkiyah an-nafs* adalah segala usaha yang



ditumpukan untuk menyucikan hati dan membersihkan nafsu. Ia dikaitkan dengan



kaunseling sufi yang menumpukan kepada usaha untuk membersihkan hati dan menghidupkannya serta mentarbiyah nafsu *ammarah* kepada nafsu *mutmainnah*.

Faudzinaim (2006) berpendapat *tazkiyah an-nafs* adalah satu proses pembersihan, pencahayaan dan pencerahan jiwa serta hati dari sifat-sifat yang keji.

Dalam kajian ini, *tazkiyah an-nafs* merujuk kepada modul *tazkiyah an-nafs* (MBTN) yang dibina oleh pengkaji. Modul MBTN ini menumpukan kepada proses pembinaan diri yang bertahap dalam usaha membersihkan jiwa hati dan diri manusia daripada perbuatan merosakkan diri. Modul MBTN ini dibangunkan berdasarkan model *Tazkiyah an-Nafs* Imam Al-Ghazali.





1.15.5 Religiositi

Religiositi dikaitkan dengan kehidupan beragama yang memberi impak besar kepada tingkah laku, personaliti, ketenangan emosi, keyakinan diri dan kebahagiaan hidup (Jamiah & rakan-rakan, 2004). Religiositi melibatkan kombinasi kognitif, emosi dan tindakan serta mengandaikan manusia melahirkan keimanan (*faith*) melalui tiga cara iaitu tingkah laku, kepercayaan seperti percaya kepada perkara ghaib dan pengalaman (Spilka, Hood, Hunsberger & Gorsuch, 2003). Religiositi juga dikaitkan dengan hubungan antara kepercayaan dan amalan seharian (Corbett, 1990; Graham, Furr, Flores, & Burke, 2001), sebagai lambang dan tradisi (Hammond, 1988). Kozaryn (2009), mengklasifikasikan religiositi kepada dua iaitu religiositi sosial dan religiositi individu. Menurutnya, religiositi sosial dikaitkan dengan kehadiran ke rumah ibadah (gereja) dan penglibatan dengan organisasi keagamaan, manakala religiositi individu dikaitkan dengan kepercayaan kepada Tuhan.

Religiositi dari perspektif Islam bukan sekadar satu sistem kepercayaan kepada Tuhan tetapi ianya dikenali sebagai '*ad-Din*' iaitu satu sistem kehidupan yang menyeluruh yang mempunyai peraturan dan syariat (Ramli, 1997; Haron Din, 2007).

Religiositi dalam kajian ini tertumpu pada tiga komponen utama iaitu tingkah laku aqidah, tingkah laku ibadah dan tingkah laku akhlak. Ia diukur berdasarkan





skor laporan sendiri melalui Skala Penghayatan Pendidikan Islam Pelajar Menengah (SPPIP-M) yang telah dibangunkan oleh Azma (2006).

1.15.6 Resiliensi

Resiliensi atau dikenali juga sebagai daya tahan, merupakan kecekapan sosial dan psikologi berasaskan ketenangan perasaan dan fikiran, ketekunan dan kesungguhan, tidak merasai keseorangan dan yakin pada diri sendiri (Wignild dan Young, 1993). Ia juga dapat bertindak sebagai penampan (*buffer*) kepada segala pengalaman negatif yang dialami oleh individu, dan sebagai faktor pencegah yang dapat mengawal stres.



Resiliensi dipengaruhi oleh faktor sikap optimis, sokongan sosial dan pegangan agama (Tarakeshwar, Hansen, Kochman, Fox & Sikkema, 2006). Resiliensi juga berkait dengan kebolehan seseorang mengadaptasi secara positif semasa berhadapan dengan pelbagai situasi yang menekan seperti penderaan, keganasan ataupun hidup dalam kemiskinan. Pengalaman berkenaan boleh mengakibatkan tingkah laku delinkuen bagi mereka yang kurang resilien (Kaplan, 2005).

Dalam kajian ini, resiliensi merujuk kepada tiga perkara iaitu pertama, kemampuan individu dalam mengendalikan pelbagai tekanan daripada faktor persekitaran dengan memiliki persepsi masa hadapan yang lebih optimis, kedua kemahiran yang membina dan tidak bergantung kepada orang lain, dan ketiga keberanian menghadapi risiko. Ia diukur berdasarkan skor laporan sendiri melalui





Soal Selidik Daya Tahan (SDT) oleh Mohammad Nasir (2006) yang disesuaikan daripada *The Resiliency Questionnaire* oleh Jew, Green dan Kroger (1999).

1.15.7 Kesahan Modul

Kesahan sesuatu alat ukuran adalah merujuk kepada sejauh mana alat tersebut itu mengukur data yang sepatutnya (Paul & Jeanne, 2005; Anastasi, 1982). Kesahan digunakan untuk mengukur ketepatan sesuatu ukuran yang digunakan dalam kajian. Ia bertujuan untuk memastikan sama ada ukuran atau indikator yang digunakan itu mengandungi semua ciri-ciri atau gagasan yang harus ada dalam konsep yang diukur itu (Sabitha, 2006). Ciri kesahan dalam sesuatu alat pengukuran merujuk kepada darjah sejauh manakah ia dapat mengukur apa yang sepatutnya diukur (Abd Rashid & Siti Rahayah, 2001).

Menurut Sidek dan Jamaludin (2005), sesuatu alat ukuran boleh dianggap sama maksudnya dengan modul, kerana alat ukuran dan modul merupakan alat, sumber, bahan yang menjadi panduan kepada seorang pembina modul untuk mendapatkan pelbagai maklumat dan data berkaitan dengan kajian dan penyelidikan yang akan dilakukan.

Kajian kesahan modul melibatkan penilaian oleh pakar penilai dalam bidang berkaitan untuk dibaca, diteliti dan dikaji seterusnya dinilai berdasarkan item kesahan kandungan modul yang dibina.





Dalam kajian ini kesahan modul merujuk kepada proses untuk mengukur isi kandungan modul *tazkiyah an-nafs* yang dibina oleh pengkaji berdasarkan prosedur dalam menentukan kesahan modul MBTN oleh Sidek dan Jamaludin (2005).

1.15.8 Kebolehpercayaan Modul

Kebolehpercayaan merujuk kepada darjah ketekalan atau kestabilan sesuatu alat kajian yang ditadbirkan pada masa yang berlainan (Anastasi, 1982). Menurut Sabita (2006), kebolehpercayaan ialah satu konsep yang merujuk kepada ketekalan (*consistency*) dan kestabilan (*stability*) sesuatu ukuran, alat ukur kajian atau soal selidik merentasi masa terhadap sesuatu gagasan. Ia bertujuan untuk mengetahui sama ada ukuran itu memberikan jawapan yang sama apabila ia digunakan untuk mengukur konsep yang sama kepada populasi atau sampel atau responden yang sama.

Menurut Syaharom (1990), kebolehpercayaan merupakan ketekalan sesuatu alat dalam melahirkan skor yang setara. Kesetaraan ini ditentukan dengan menggunakan alat tersebut berulang kali dan juga menggunakannya ke atas pelbagai subjek. Alat ukur yang mengukur sesuatu pemboleh ubah atau gagasan dengan tekal dikatakan mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi, sebaliknya alat ukur yang menghasilkan markat yang berubah-ubah bagi mengukur gagasan yang sama dikatakan tidak tekal dan mempunyai kebolehpercayaan yang rendah (Sidek, 2002).






Kebolehpercayaan sesuatu modul dapat ditentukan apabila responden dapat menguasai objektif dan dapat mengikuti langkah-langkah bagi setiap aktiviti di dalam modul ini dengan jayanya. Menurut Rusell (1974) dan Sidek dan Jamaludin (2005), alat penilaian keberkesanan dan kesempurnaan modul boleh dilakukan dengan dua cara iaitu, melalui soalan item yang dicipta berdasarkan objektif sesuatu modul melalui soalan item berdasarkan aktiviti-aktiviti yang dinyatakan di dalam sesuatu modul.

Dalam kajian ini kebolehpercayaan modul adalah merujuk kepada proses menentukan kebolehpercayaan modul *tazkiyah an-nafs* yang dibina oleh pengkaji berdasarkan prosedur menentukan kebolehpercayaan modul mengikut pandangan Rusell (1974) dan Sidek dan Jamaludin (2005). Dalam kajian ini juga, item kebolehpercayaan modul MBTN dibina berdasarkan objektif pada setiap modul.

1.16 Kerangka Konseptual Kajian

Bahagian ini akan menjelaskan kerangka konseptual kajian yang digambarkan dalam satu model serta perkaitan antara pemboleh ubah yang terlibat. Kerangka konseptual mengandungi idea asas tentang 'apa' yang hendak dikaji dan kepada 'siapa' penyelidikan akan dilaksanakan (Shahabudin, Rohizan & Mohd Zohir, 2007). Ianya akan bertindak sebagai panduan kepada pengkaji untuk memfokuskan penyelidikan yang akan dilakukan. Kerangka konseptual kajian ditunjukkan pada Rajah 1.1.





Rajah 1.1: Kerangka Konseptual Kajian

Kajian ini bertujuan membina modul bimbingan keagamaan berperspektif Islam di samping mengkaji kesan modul bimbingan 'tazkiyah an-nafs' (MBTN) ke atas religiositi dan resiliensi pelajar sekolah menengah. Berdasarkan tujuan kajian, penyelidikan ini melibatkan dua fasa. Fasa pertama adalah proses pembinaan modul manakala fasa kedua adalah untuk mengukur kesan modul yang telah di bina terhadap pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah dikenal pasti.

Di dalam fasa pertama, kajian menumpukan kepada pembinaan modul bimbingan berperspektif Islam yang dikenali sebagai modul bimbingan *tazkiyah an-nafs* (MBTN) untuk perkembangan sendiri. Proses dalam pembinaan modul berkenaan akan diuraikan di dalam bab 3. Fasa kedua kajian untuk melihat adakah modul MBTN ini berkesan ke atas pemboleh ubah religiositi dan



resiliensi. Kajian yang dijalankan ini akan mengukur kesan pemboleh ubah bebas iaitu religiositi terhadap pemboleh ubah bersandar iaitu resiliensi responden kajian.

Modul Bimbingan *Tazkiyah an-Nafs* merupakan modul latihan perkembangan sendiri yang dibina untuk meningkatkan religiositi dan resiliensi pelajar. Ia merupakan satu pendekatan komprehensif terhadap pembentukan personaliti individu. Secara etimologi *Tazkiyah an-nafs* mempunyai dua makna iaitu penyucian dan pertumbuhan (Sa'id Hawa, 2001). Penyucian diri adalah membuang sifat dan tingkah laku negatif yang bercanggah dengan norma masyarakat dan kehendak agama di mana ia boleh menimbulkan kecelaruan dan ketidaktenteraman kepada jiwa. Pertumbuhan pula merupakan proses peningkatan kualiti diri dan hati dengan melakukan tindakan yang positif dengan melakukan sifat-sifat positif (mahmudah) yang diredhai Allah swt dengan bersungguh-sungguh (mujahadah) di samping meningkatkan hubungan dengan Allah (ibadah) sehingga hati dan jiwa menjadi bersih dan baik serta berkualiti.

Modul *tazkiyah an-nafs* menekankan aspek proses membuat perubahan tingkah laku negatif melalui beberapa tahap berdasarkan latar diri klien. Seterusnya, diikuti dengan proses membina resiliensi dan jati diri melalui latihan amalan sifat-sifat positif dengan bersungguh-sungguh dan bertahap.





Pemboleh ubah bebas dalam kajian ini ialah religiositi (keagamaan). Knox, Langehough, Walters dan Rowley (1998) menyatakan religiositi merujuk kepada perlakuan atau tingkah laku berkaitan dengan keagamaan. Dalam kerangka ini, religiositi merujuk kepada religiositi dari perspektif Islam iaitu pengamalan dan penghayatan agama secara menyeluruh. Perkara ini sejajar dengan menjadikan Islam sebagai ad-din atau mengamalkan cara kehidupan Islam seharian (Azma, 2006) tanpa adanya sebarang bentuk pemisahan antara aqidah, ibadah dan syariatnya (Ramli, 1997).

Kajian ini meletakkan tiga elemen utama religiositi dalam Islam iaitu elemen aqidah, ibadah dan akhlak. Ketiga elemen berkenaan merupakan asas utama dalam pembinaan personaliti yang seimbang. Elemen berkenaan merupakan sumber kekuatan yang dapat menangkis pelbagai isu dan permasalahan hidup seterusnya menjadi khalifah Allah yang bertaqwa sepertimana yang dikehendaki dalam matlamat Pendidikan Islam KBSR dan KBSM (Azma, 2006).

Aqidah merupakan perkara pokok dalam Islam dan merupakan asas serta benteng kekuatan diri individu Muslim. Ianya berkaitan dengan pegangan, kepercayaan, keimanan dan pengabdian yang kukuh kepada Tuhan (Nawi, 2009). Aqidah merupakan satu keyakinan terhadap sesuatu perkara yang dipegang dengan kuat tanpa sebarang keraguan. Di dalam Islam aqidah dihubungkan dengan keimanan dan keyakinan kepada Allah yang bukan sahaja dilafazkan melalui lidah tetapi





juga melalui tingkah laku mengesakan Allah dengan melakukan apa yang disuruh dan meninggalkan apa yang dilarang.

Syariah merangkumi peraturan dan undang-undang untuk menyusun urusan hidup manusia sama ada ibadah ataupun kehidupan harian yang lengkap dalam semua aspek kehidupan termasuklah *ibadah*, *munakahat* (sistem perkahwinan), *muamalah* (sistem ekonomi), politik, sosial dan sebagainya. Di dalam *syariah*, aspek ibadah adalah aspek yang paling penting kerana ianya memainkan peranan yang berkesan untuk membina keperibadian seseorang (Nawi, 2009). Sebab itu, dalam kajian ini pengkaji hanya berfokus kepada elemen ibadah sebagai asas membina personaliti diri. Ibadah berkait dengan hubungan langsung hamba dengan Tuhannya yang merangkumi kegiatan manusia dari segi rohani dan jasmani (Nawi, 2009).

Akhlak merupakan sifat yang ada dalam diri (jiwa) bertindak sebagai sumber peramalan tindakan dalam kehidupan manusia seperti benar, amanah, berani, pemaaf dan sebagainya. Ia juga merupakan satu ilmu (pengetahuan) yang membangkitkan kesempurnaan dalam jiwa dan menumbuhkan kekuatan kepada manusia (Ramli, 1997). Akhlak dikaitkan dengan perangai, tingkah laku, tabiat, nilai dan sifat-sifat yang sebat di dalam diri sehingga menjadi amalan diri seseorang.





Pembolehubah bersandar dalam kajian ini ialah resiliensi (daya tahan). Resiliensi merujuk kepada kadar kemampuan individu dalam mengendalikan pelbagai tekanan dan masalah daripada faktor persekitaran dengan memiliki persepsi masa hadapan yang lebih optimis, memiliki kemahiran yang membina dan tidak bergantung kepada orang lain serta berani menghadapi risiko (Mohammad Nasir, 2006).

Sikap optimis adalah sub skala resiliensi yang berupa pandangan dan persepsi individu tentang masa hadapannya yang positif. Ia meliputi kepercayaan dan sikap tentang kehidupan yang baik, mempunyai harapan tentang masa depan, gembira dengan kehidupannya serta percaya menghadapi masa depan (Jew, Green & Kroger, 1999).

Menurut Jew dan rakan-rakan (1999), Perolehan Kemahiran Aktif (PKA) merangkumi segala kemahiran serta kebolehan yang berguna seperti daya hidup, mencari maklumat, kematangan, tidak mementingkan diri, dan dapat mengenal pasti dan mengendalikan kemarahan. Manakala Berani Menghadapi Cabaran (BMC) merangkumi aspek sikap tidak banyak bergantung kepada orang lain di samping mempunyai kebolehan responsif terhadap bahaya dan berani menghadapi risiko





1.17 Aturan Bab

Kajian ini terdiri daripada lima bab yang menjelaskan tentang pendahuluan dan latar belakang kajian, tinjauan literatur, pembinaan modul, metod kajian, dapatan kajian serta rumusan dan perbincangan. Setiap bab disusun secara terperinci serta mempunyai kesinambungan antara satu sama lain.

Bab satu merupakan bab pendahuluan yang menjelaskan latar belakang dan permasalahan kajian. Bab ini juga akan menjelaskan tentang tujuan kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, limitasi kajian, definisi pemboleh ubah di samping kerangka konseptual kajian.

Bab dua merupakan kajian literatur. Di dalam bab ini akan dibincangkan tentang kajian-kajian yang telah dilakukan berkaitan pemboleh ubah kajian sama ada di dalam atau di luar negara. Konseptual dan model teoritikal terhadap pemboleh ubah yang terlibat di dalam kajian ini turut dibahaskan. Dalam bab ini juga turut dibincangkan tentang model dan prosedur pembinaan modul.

Bab tiga merupakan metod kajian yang digunakan dalam kajian yang melibatkan dua fasa iaitu pembinaan modul dan kesannya ke atas religiositi dan resiliensi. Dalam bab ini dibincangkan reka bentuk kajian, lokasi kajian, subjek kajian, instrumen kajian, kajian rintis untuk mendapatkan kesahan dan kebolehpercayaan modul dan alat kajian di samping prosedur pengumpulan data dan prosedur analisis data.





Bab empat adalah dapatan kajian. Bab ini menghuraikan dapatan kajian berkaitan pembinaan modul di samping dapatan kajian eksperimen. Dapatan kajian temubual dan analisis secara kuantitatif akan dilaporkan. Analisis data temu bual untuk melihat maklum balas responden setelah melalui dan menggunakan modul MBTN turut dibincangkan.

Bab lima adalah rumusan dan perbincangan. Bab ini akan membincangkan rumusan hasil kajian fasa satu dan fasa dua. Ia meliputi proses pembinaan modul MBTN dan kesan modul MBTN terhadap pemboleh ubah yang dipilih. Implikasi dapatan kajian dan cadangan lanjut untuk penyelidikan akan datang turut dibincangkan.

